

12 SEP 2003

Bajet-Anak

PELEPASAN CUKAI ANAK DINAIKKAN DARIPADA RM800 KE RM1,000 SEORANG

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan bercadang menambah kadar pelepasan cukai anak dari RM800 kepada 1,000 seorang bagi meringankan beban perbelanjaan ibu bapa.

Kerajaan menyedari bahawa kos membesarkan dan mendidik anak-anak kian meningkat dan cadangan itu dapat membantu ibu bapa meringankan beban perbelanjaan mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi menjayakan hasrat untuk melihat lebih banyak pusat penjagaan kanak-kanak ditubuhkan di tempat kerja, kerajaan mungkin menjadikan penubuhan pusat itu sebagai syarat dalam "keutamaan pembangunan" oleh majlis tempatan.

Langkah itu dirasakan perlu kerana respons daripada majikan swasta terhadap konsep itu sehingga ini tidak menggalakkan walaupun kerajaan telah banyak memberi galakan kepada majikan.

Institusi kekeluargaan dan pembangunan wanita mendapat perhatian kerajaan apabila sejumlah RM128.6 juta diperuntukkan dalam Bajet 2004.

Dr Mahathir berkata pelbagai program akan dilaksanakan untuk pembangunan institusi keluarga dan wanita, termasuk latihan, bimbingan, kaunseling dan pendedahan untuk memberi keyakinan dan dorongan kepada wanita, khususnya ibu tunggal, warga tua dan orang kurang upaya.

Perdana Menteri berkata bagi membantu ibu tunggal yang mempunyai perusahaan sendiri di desa meningkatkan pendapatan masing-masing, sebanyak RM100 juta dari Skim Kredit Desa akan dikhususkan bagi mereka.

"Ibu tunggal yang berpendapatan rendah juga akan diberi keutamaan dalam memperolehi rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan diberi diskaun harga sebanyak 20 peratus," katanya.

Dalam ucapan bajetnya itu, Dr Mahathir turut membidas sikap suami yang menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) untuk menjatuhkan talak, yang disifatkannya sebagai "merendahkan martabat dan maruah wanita."

"Mengguna SMS tidak menunjukkan penghargaan kepada institusi perkahwinan dan keluarga, termasuk anak sendiri," katanya.

Beliau berkata walaupun Islam membenarkan suami menceraikan isteri hanya dengan berkata demikian kepada isteri, tetapi perceraian bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan.

"Ia harus difikir secara mendalam kerana kerap kali anak akan menjadi mangsa," katanya.

Perdana Menteri berkata cara perceraian melalui SMS adalah tidak selamat kerana sesiapa sahaja boleh curi mengguna SMS untuk menghantar mesej perceraian tanpa diketahui oleh suami.

"Gejala sosial akibat semua ini tidak mencerminkan keperibadian Islam yang sebenar," katanya.

Beliau juga turut menegur sikap sesetengah pihak yang menghadkan sumbangan wanita dalam pembangunan dengan hanya membenarkan mereka menjadi guru dan pegawai kebajikan sahaja, dan melarang mereka menjadi hakim, pentadbir Kerajaan dan menyertai pasukan keselamatan.

Dr Mahathir berkata dalam sejarah Islam, wanita berjuang di samping Nabi Muhammad S.A.W dalam peperangan, manakala isteri baginda Khadijah telah merentasi sempadan dalam menerokai pasaran.

"Ingatlah, syurga di bawah tapak kaki ibu. Setiap lelaki yang berjaya, ada isteri yang membantu. Tangan yang menghayun buaian, mampu menggoncang

dunia," katanya.

Beliau berkata jika Malaysia menghadkan peranan wanita bermakna tenaga manusia orang Islam berkurangan lebih daripada separuh dan orang Islam di negara ini akan bergantung kepada orang lain untuk segala-galanya.

"Jangalah kecewa apabila ini berlaku. Janganlah kerana lelaki lemah membendung nafsu, wanita disalahkan. Islam tidak meletak beban kawalan nafsu semata-mata pada wanita," katanya.

-- BERNAMA

HK MFJ PR